

21 JUL 1999

Abu Zahar - Biasiswa

KAJI SEMULA PEMBERIAN BIASISWA KEPADA PENUNTUT IPTA, KATA ABU ZAHAR

MELAKA, 21 Julai (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin meminta kerajaan mengkaji semula pemberian biasiswa kepada pelajar institusi pengajian tinggi awam supaya bantuan yang diberikan seimbang dengan pencapaian akademik.

" Pada mereka yang tidak mampu mempamerkan prestasi cemerlang setelah diberikan biasiswa, tarik balik sahaja pemberian itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri hari ini.

Abu Zahar berkata pemberian biasiswa bertujuan merangsang pelajar untuk mencapai kecemerlangan akademik dan oleh itu penerimanya harus mengetahui matlamat pemberian berkenaan.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas ucapannya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Alor Setar semalam yang kecewa kerana terdapat jurang perbezaan pencapaian akademik antara pelajar bumiputera dan bukan bumiputera di negara ini.

Abu Zahar menyarankan agar pemegang biasasiswa yang membuktikan keupayaan akademik diberi "tambahan" sebagai insentif.

Beliau berkata faktor kelemahan pelajar Melayu di sekolah-sekolah luar bandar perlu diberikan perhatian serius.

"Umum mengetahui mereka golongan yang paling ramai tetapi prestasi akademik secara keseluruhan masih mengecewakan," kata Abu Zahar.

Beliau meminta ibu bapa supaya sentiasa mengawasi pembelajaran anak-anak sebagai satu daripada usaha untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan.

Abu Zahar juga menggesa agensi-agensi kerajaan negeri meningkatkan program pembangunan ekonomi sejajar dengan pertumbuhan positif ekonomi negara kini.

-- BERNAMA

NO MAI